

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 31/8/2013

Muka surat: 8

Tajuk : UNIMAS Tumpu Penyelidikan Khusus Dalam Lima Sektor Utama.

UNIMAS tumpu penyelidikan khusus dalam lima sektor utama

KOTASAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) memberi tumpuan kepada bidang penyelidikan khusus dalam lima sektor utama untuk menyumbang kepada pembangunan khasnya di Sarawak.

Naib Canselor UNIMAS Datuk Dr Mohd Kadim Suaidi berkata, UNIMAS harus cepat menyesuaikan diri untuk kekal relevan dan berjaya di negara ini khasnya untuk Sarawak dalam melahirkan pakar penyelidik berkualiti.

"Lima sektor penyelidikan khusus itu adalah Pengurusan Biodiversiti dan Alam Sekitar, Penyakit Berjangkit Tropikal Baharu, Teknologi Hijau dan Tenaga Diperbaharui, Pembangunan ICT dan ICT untuk Pembangunan dan Rekaan Perindustrian.

"Maka itu, UNIMAS sebagai institusi pengajian tinggi utama di negeri ini

bekerjasama dengan kerajaan negeri dan institusi pengajian tinggi lain menerusi inisiatif U-SCORE untuk menyediakan tenaga kerja yang diperlukan dalam SCORE (Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak) nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian Jerayawara Akademi Sains Malaysia: 'Pakar Penyelidik Malaysia dan Jaringan Penyelidik Muda' di Auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik UNIMAS di sini, semalam.

Kadim berkata, jerayawara itu dapat memberi kesedaran di kalangan penyelidik muda di UNIMAS untuk lebih bermotivasi selain menentukan hala tuju mereka.



"Kita mempunyai kira-kira 40 peratus kakitangan akademik berusia bawah 40 tahun. Oleh itu, kita berharap program ini dapat memberi galakan kepada penyelidik

muda di sini," tambahnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Kadim berkata, penyelidikan UNIMAS turut diiktiraf oleh penjaga kepentingan dan rakan dalam industri dengan menyediakan pembiayaan bagi penubuhan lapan kursi penyelidikan.

Jelasnya lapan kursi itu ialah Tun Ahmad Zaidi Chair for Medicinal Chemistry, Tun Openg Chair for Sago Technology, Shell Chair for Environmental Studies, P. Ramlee Chair daripada Petronas dalam persembahan dan seni kreatif, Dayak Chair, Nusantara Chair dan Sino-Borneo Chair (Kajian komuniti Cina di Sarawak) bersama KTS Holding Sdn Bhd.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi Akademi Sains Malaysia Hazami Habib, Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi dan Penyelidikan UNIMAS Prof Mustafa Abdul Rahman dan tetamu kehormat lain.



LAHIR PAKAR PENYELIDIKAH: Kadim (dua kiri) ditemani Mustafa dan tetamu kehormat lain merasmikan Jerayawara Akademi Sains Malaysia: 'Pakar Penyelidik Malaysia dan Jaringan Penyelidik Muda' di UNIMAS, semalam.